

الحديث الحادي عشر

وعن سهل بن معاذ الجهني، عن أبيه رضي الله تعالى عنه قال إن رسول الله صلى الله عليه وسلم قال:

من قرأ القرآن، وعمل بما فيه ألبس والداه تاجا يوم القيامة ضوؤه أحسن من ضوء الشمس في بيوت الدنيا، لو كانت فيكم، فما ظنكم بالذي عمل هذا؟
رواه أبو داود والحاكم وقال صحيح الإسناد.

(11) Sahl bin Mu'adz al-Juhani meriwayatkan daripada ayahnya *radhiyallahu 'anhu* bahawa Rasulullah *sallallahu 'alaihi wasallam* bersabda:

Sesiapa yang membaca al-Quran dan mengamalkan isi kandungannya maka ibu bapanya akan dipakaikan mahkota pada hari kiamat kelak, sinarannya lebih indah daripada sinaran mentari dalam rumah-rumah di dunia, bayangkan pula hebatnya ganjaran pembaca dan pengamal al-Quran?

Riwayat Abu Daud, dan al-Hakim yang menghukum: Sahih al-Isnad.

الحديث الثاني عشر

وعن وعن أبي بريدة رضي الله تعالى عنه قال قال رسول الله صلى الله عليه وسلم :
من قرأ القرآن، وتعلمه وعمل به، ألبس والداه يوم القيامة تاجا من نور ضوؤه
مثل ضوء الشمس ويكس والداه حلتان لا تقوم بهما الدنيا فيقولان لم كسينا هذا،
فيقال بأخذ ولدكما القرآن.

رواه الحاكم، وقال صحيح على شرط مسلم .

(12) Abu Buraidah *radhiyallahu ‘anhu* telah meriwayatkan bahawa Rasulullah *sallallahu ‘alaihi wasallam* bersabda:

Sesiapa yang membaca al-Quran, mempelajari dan mengamalkan isi kandungannya, nescaya ibu dan ayahnya akan dipakaikan mahkota daripada cahaya yang bersinar umpama mentari, lalu diberi dua pakaian yang tidak mampu dibeli oleh penduduk dunia, hingga mereka bertanya: Mengapa kami dipakaikan sebegini? Dikatakan kepada mereka: Kerana usaha anak mereka mendalami al-Quran.

Riwayat al-Hakim: Sahih menurut syarat Muslim.

الحديث الثالث عشر

وعن أبي هريرة رضي الله تعالى عنه قال عن رسول الله صلى الله عليه وسلم قال:
يجيء صاحب القرآن يوم القيامة، فيقول القرآن يا رب حله فيلبس تاج الكرامة،
ويقول يا رب زده فيلبس حلة الكرامة ويقول يا رب ارض عنه، فيرضى عنه فيقال
اقرأ، وارق ويزداد بكل آية حسنة.

رواه الترمذي، وحسنه، وابن خزيمة، والحاكم، وقال صحيح الإسناد.

(13) Abu Hurairah *radhiyallahu 'anhu* telah meriwayatkan bahawa Rasulullah *sallallahu 'alaihi wasallam* bersabda:

Pembaca al-Quran akan dibangkitkan pada hari kiamat kelak, lalu al-Quran berkata: Wahai tuhan, hiasilah dia. Maka dia dipakaikan mahkota kemuliaan, dan al-Quran berkata: Wahai tuhan, tambahkan lagi. Lalu dia dipakaikan pula baju kemuliaan. Al-Quran berkata lagi: Wahai tuhan, redhailah dia. Maka tuhan pun meredhainya. Pembaca al-Quran diberitahu: Bacalah al-Quran, dan naiklah ke martabat yang lebih tinggi. Dengan setiap ayat yang dibacanya, dia mendapat satu hasanah.

Riwayat at-Tirmidzi: katanya hadith Hasan. Turut diriwayatkan oleh Ibn Khuzaimah, dan al-Hakim yang menghukum: Sahih al-Isnad.

الحديث الرابع عشر

وعن عبد الله بن عمرو بن العاص رضي الله تعالى عنهما قال قال رسول الله
صلى الله عليه وسلم:

يقال لصاحب القرآن اقرأ ورتل كما كنت ترتل في الدنيا، فإن منزلتك عند
آخر آية تقرؤها.

رواه الترمذي، وأبو داود، وابن ماجه، وابن حبان في صحيحه، وقال الترمذي
حديث حسن صحيح.

(14) 'Abdullah bin 'Amru bin al-'As *radhiyallahu*
'anhuma meriwayatkan bahawa Rasulullah
sallallahu 'alaihi wasallam bersabda:

Akan diumumkan (di hari kiamat kelak) kepada
pembaca al-Quran: Bacalah al-Quran dan naiklah
ke darjat yang lebih tinggi, dan alunkanlah ia
dengan *tartil* seperti yang engkau lakukan semasa
di dunia. Ganjaran engkau dikira dengan bilangan
ayat yang engkau baca.

Riwayat at-Tirmidzi: *hadith Hasan Sahih*, juga
Abu Daud, Ibn Majah, dan Ibn Hibban dalam
Sahihnya.

الحديث الخامس عشر

وعن ابن عمر رضي الله تعالى عنهما قال قال رسول الله صلى الله عليه وسلم:
لا حسد إلا على اثنين رجل آتاه الله هذا الكتاب، فقام به آناء الليل، وآناء النهار
ورجل أعطاه الله تعالى مالا، فتصدق به آناء الليل وآناء النهار.
رواه البخاري ومسلم.

(15) Ibn 'Umar *radhiyallahu 'anhuma* meriwayatkan bahawa Rasulullah *sallallahu 'alaihi wasallam* bersabda:

Tidak dibenarkan untuk merasa hasad kepada sesiapa, melainkan kepada dua golongan: orang yang diberikan pengetahuan mengenai al-Quran lalu dia melakukan qiyam di waktu malam dan siang, serta orang yang diberi rezeki berupa harta yang banyak, lalu dia bersedekah di waktu malam dan siang.

Riwayat al-Bukhari dan Muslim.